

# Malaysia anjur sidang ASEAN-Negara Teluk bulan depan

**Bachok:** Malaysia melakar sejarah apabila menganjurkan buat pertama kalinya sidang kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC), membabitkan semua negara ASEAN dan enam Negara Teluk, iaitu Bahrain,

Oman, Kuwait, Qatar dan Arab Saudi, di sini bulan depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata negara turut menjemput China menghadiri persidangan berkenaan dan Perdana Menteri Li

Qiang dijangka ke Malaysia untuk tujuan itu.

“Kita berkawan dengan semua negara demi menjaga kepentingan rakyat. Persidangan dengan negara ASEAN dan ketua negara Teluk kali pertama diadakan.

“Kita turut jemput China sebab kita bersikap terbuka,” katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia kerap menjadi rujukan pemimpin dunia dan negara Asia berikutan kestabilan-

nya dalam pelbagai perkara.

Beliau berkata, antara pemimpin dunia dan Asia yang menghubunginya termasuk Perdana Menteri New Zealand, Christopher Luxon dan Presiden Perancis, Emmanuel Macron.